

Mahathir kecewa kontroversi AP berlarutan

Oleh HAIRULAZIM MAHMUD

KUALA LUMPUR 29 Julai - Tun Dr. Mahathir Mohamad kecewa dan sedih dengan kontroversi yang terus berlarutan antara beliau dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkaitan isu permit import (AP) dan Proton.

Perkara itu diakui sendiri oleh anak beliau, Datuk Mukhriz yang juga anggota Exco Pemuda UMNO.

Mukhriz menyifatkan kemelut berterusan itu mungkin sedikit sebanyak 'mengganggu persahabatan' antara bapanya dan Rafidah.

Beliau berkata, sebagai orang Melayu, banyak cara yang lebih baik boleh ditunjukkan oleh Rafidah dalam menangani polemik berkenaan terutamanya yang melibatkan bapanya sebagai Penasihat Proton.

"Sebagai orang Melayu, apa salahnya meminta maaf. Minta maaf tidak semestinya mengaku salah.

"Ayah saya sedih dengan situasi ini kerana bagi beliau keutamaan adalah kepentingan negara," katanya ketika ditemui pemberita selepas Majlis Menyambut Hari Jadi ke-80 Dr. Mahathir di sini malam ini.

Beliau mengulas kemelut antara bekas Perdana Menteri itu dengan Rafidah yang

berlarutan, setelah Dr. Mahathir tidak berpuas hati dengan penjelasan Ketua Wanita UMNO itu berhubung isu AP pada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini.

Mukhriz berkata, sepatutnya Perhimpunan Agung adalah medan terbaik untuk Rafidah menyelesaikan isu itu.

"Di depan orang Melayu itulah yang sepatutnya dilakukan tetapi penjelasan Rafidah tidak memberi gambaran sebenar mengenai isu tersebut.

"Setakat ini kita menanti-nanti penjelasan yang memuaskan sebab banyak lagi persoalan yang tidak terjawab," katanya.